

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN

(BUKIT KATIL)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

a) rasional melantik syarikat-syarikat konsultasi yang bukan merupakan perunding penerbangan dalam memberi perkhidmatan nasihat kepada Khazanah Nasional Bhd. dalam usaha menstruktur semula Penerbangan Malaysia (MAS) serta jaminan yang dapat diberikan bahawa MAS akan meraih keuntungan dalam masa terdekat; dan

b) jumlah bayaran kepada syarikat-syarikat konsultasi atau penasihat, termasuk Bain & Company, McKinsey & Company dan Seabury yang

dilantik oleh Khazanah Nasional Bhd. di dalam usaha menstruktur semula dan menyelamatkan Penerbangan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan MAS, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek dengan jumlah bayaran kepada perunding dianggarkan berjumlah 1 hingga 2 peratus daripada kos pelaburan keseluruhan sebanyak RM6 bilion.

Khazanah dan MAS tidak dapat memberikan butiran terperinci berkaitan perunding ini dan bayaran yang dikenakan oleh setiap perunding atas sebab memelihara aspek kerahsiaan dalam pelantikan syarikat-syarikat ini.